

## **ABSTRAK**

Pembangunan aspek pengetahuan dan kemahiran Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) kini menjadi agenda utama kebanyakan negara. Malaysia yang berhasrat untuk menjadi peneraju utama ICT di rantau ini, bukan hanya memfokus kepada infrastruktur fizikal ICT semata-mata, malah lebih menekankan kepada aspek ‘content’ itu sendiri iaitu pembangunan sumber manusia di dalam ICT. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Majlis Latihan Vokasional Malaysia (MLVK) melalui pusat-pusat bertauliah awam dan swasta telah menawarkan pelbagai jenis program latihan kemahiran ICT khasnya bagi mereka yang ketinggalan di dalam akademik. Tujuan kajian ialah untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan program latihan kemahiran ICT MLVK dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT. Dapatan kajian menunjukkan dalam ketiga-tiga aspek, iaitu skop kursus, pengajaran dan pembelajaran dan peralatan dan kemudahan kursus, aspek yang paling mempengaruhi keberkesanan kursus ICT ialah aspek peralatan dan kemudahan kursus. Dalam pada itu, dilihat pelaksanaan program latihan ini lebih berkesan dijalankan di pusat bertauliah awam berbanding swasta.